# NIOSH UPDATES

Issue 12, Volume 12, 2019



## WORKING AT HEIGHT & CONFINED SPACE SAFETY AWARENESS SEMINAR

18 July 2019 @
NIOSH BANDAR BARU BANGI





# WORKING AT HEIGHT & CONFINED SPACE SAFETY AWARENESS SEMINAR




Free gift for everyone Full body Harness



18 July 2019 @
NIOSH BANDAR BARU BANGI

**OBJECTIVES:**

At the end of the seminar, the participant will be able to :

- Describe the responsibilities of both employers and employees towards OSH at the workplace
- State legal requirement pertaining to confined space and working at height
- Describe the presence of hazards at the confined space and working at height
- Apply confined space entry procedures
- Select the appropriate steps to provide a safe working environment.
- Use the personal protective equipment and other related equipment associated with confined space and Working at Height Occupation.

**TARGET PARTICIPANT:**

- Safety and Health Officer (SHO)
- OSH Practitioners Safety and Health Committee Members
- Project Manager
- Safety Trainers
- Supervisor
- Workers who are involved in Working at Height or Confined Space Works




***Register Now!***

| | |
|---|---|
| *Date* | *: 18 July 2019* |
| **Fee** | **: RM 100.00** |
| Certificate | : Yes |
| **Registration** | **: Online System** / www.niosh.com.my |
| **Payment** | : Cash Upon Registration |
| **CEP** | **: CEP Point based on CEP Guidelines by DOSH** |

**ONLINE Registration at http://www.niosh.com.my**

***For more information, please contact the secretariat :***
Phone: 03-8911 3877/ 3889 (Ms. Halimatulsaadiah)
F : 03-8926 5655 Email : seminar@niosh.com.my

**PRESENTER**

- Name: Chancha-lad Bunnang
- Position: Sea Sr. AE Leader (Fall Protection)
- Education: M.Eng(Safety Eng) KasetsartUniversity
- B.S (General Sciene), KasetsartUniversity

**Working Experiences:**

- 20 yrs:Bangkok Aviation Fuel Services PCL
- 17 yrs: Basic Fire Fighting and Fire Drill Training Instructor
- 10 yrs: Confined Space Instructor at 3M Training Centre, Thailand 15 yrs: Fire Behaviourand Fire Suppression for Instructor Certified, Sweden
- 2 yrs: D.D, Fire & Safety Co. Ltd (Interior Fire Fighting Training)

**ONLINE REGISTRATION SYSTEM : WWW.NOISH.COM.MY (E-DAFTAR)**



# WORKING AT HEIGHT & CONFINED SPACE SAFETY AWARENESS SEMINAR

18 July 2019 @
NIOSH BANDAR BARU BANGI

| NO | PROGRAME | TIME | SPEAKER | DURATION |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **REGISTRATION** | 08:30 – 09:00 | | 30 M |
| 2 | INTORDUCTION TO CONFINED SPACE RELATED LEGISLATION | 09:00-09:30 | DOSH | 30 M |
| 3 | WORKING AT HEIGHT : HOW TO COMPLY WITH THE REGULATION | 9:30 – 10:30 | DOSH | 1H |
| 4 | **TEA BREAK** | 10:30 – 11:00 | | 30 M |
| 5 | FALL PROTECTION REGULATORY & THE ABCD FALL PROTECTION | 11:00 – 13:00 | 3M | 2 H |
| 6 | **LUNCH** | 13:00 – 14:00 | | 1 H |
| 7 | PERSONAL PROTECTION | 14:00 – 15:00 | 3M | 1 H |
| 8 | PERSONAL PROTECTION EQUIPMENT AND REGULATORY & COMPLIANCE COVERING RESPIRATORY, HEAD AND EYE PROTECTION | 15:00 – 16:30 | 3M | 1 H 30 M |
| 9 | **CERTIFICATE / TEA BREAK** | 16:30 – 17:00 | | 30 M |

# FALL PROTECTION EQUIPMENT TESTING LAB (FPETL)

# FPETL


National Institute Of
Occupational Safety...
Niosh Bangi
Institut Keselamatan &
Kesihatan Pekerjaan...
Jalan 15/K



# WHAT FPETL PROVIDE

1. Services such as **testing** and **certification** for fall protection equipment and component.

2. Service to **ensure** and **endorse** all fall protection equipment and component use in Malaysia comply with standards.

3. Service to **support** NIOSH’s core activities such as research and training.

# AVAILABLE TESTING

- Static Strength Testing
- Dynamic Performance Testing
- Conditioning Testing (heat, humid and cold test)

# STANDARDS

## International Standard

- EN 365 : 2004 – Test method
- EN 361 : 2002 – Full body harness
- EN 362 : 2004 – Connectors
- EN 354 : 2010 – Lanyards
- EN 355 : 2002 – Energy absorbers

## Malaysia Standard

- MS 2314 : 2010 – Test method
- MS 2311 : 2010 – Full body harness
- MS 2312 : 2010 – Connectors
- MS 2308 : 2010 – Lanyards
- MS 2309 : 2010 – Energy absorbers

# FALL PROTECTION EQUIPMENT AND COMPONENTS / SAMPLES



Full body harness



Connectors



Lanyards



Energy absorbers

# STATIC STRENGTH TESTING



Test Name :
Static Strength Test

- Universal Testing Machine (UTM).
- To test static strength of fall protection equipment and components.





# DYNAMIC PERFORMANCE TESTING



Test Name :
Dynamic Performance Test

- Test tower and force measurement equipment (load cell).
- To test for dynamic performance of fall protection equipment and components.









# CONDITIONING TESTING



Test Name :
Conditioning Test

- Climatic Chamber.
- To test fall protection equipment and components under control condition.
- Fall protection equipment and components were tested under heat, humid and cold condition.


ARS-0390
Temperature & Humidity Chamber
STOP
Control Temp
OFF
28. 0 ℃
OFF
98 % rh




espec

BOOK REVIEW

# Safety-I and Safety-II: The Past and Future of Safety Management

## 1st Edition, Kindle Edition

by Erik Hollnagel (Author)



Safety has traditionally been defined as a condition where the number of adverse outcomes was as low as possible (Safety-I). From a Safety-I perspective, the purpose of safety management is to make sure that the number of accidents and incidents is kept as low as possible, or as low as is reasonably practicable. This means that safety management must start from the manifestations of the absence of safety and that - paradoxically - safety is measured by counting the number of cases where it fails rather than by the number of cases where it succeeds. This unavoidably leads to a reactive approach based on responding to what goes wrong or what is identified as a risk - as something that could go wrong.




Focusing on what goes right, rather than on what goes wrong, changes the definition of safety from ‘avoiding that something goes wrong’ to ‘ensuring that everything goes right’. More precisely, Safety-II is the ability to succeed under varying conditions, so that the number of intended and acceptable outcomes is as high as possible. From a Safety-II perspective, the purpose of safety management is to ensure that as much as possible goes right, in the sense that everyday work achieves its objectives. This means that safety is managed by what it achieves (successes, things that go right), and that likewise it is measured by counting the number of cases where things go right. In order to do this, safety management cannot only be reactive, it must also be proactive. But it must be proactive with regard to how actions succeed, to everyday acceptable performance, rather than with regard to how they can fail, as traditional risk analysis does.

This book analyses and explains the principles behind both approaches and uses this to consider the past and future of safety management practices. The analysis makes use of common examples and cases from domains such as aviation, nuclear power production, process management and health care. The final chapters explain the theoretical and practical consequences of the new perspective on the level of day-to-day operations as well as on the level of strategic management (safety culture).

Safety-I and Safety-II is written for all professionals responsible for their organisation's safety, from strategic planning on the executive level to day-to-day operations in the field. It presents the detailed and tested arguments for a transformation from protective to productive safety management.



***Book for reference only : More details of this book, please refer NIOSH Library and to browse list of collection please visit; http://www.niosh.com.my*

**BOOK REVIEW**

# Safety-I and Safety-II: The Past and Future of Safety Management

## 1st Edition, Kindle Edition

by Erik Hollnagel (Author)



**Editorial Reviews**

**Review**

'Much more than a technical book. Erik's work is a well documented journey into the multiple interactions between safety, work and human nature. A timely contribution to vindicate human beings and their variability from the one sided focus on the evils of human error. A groundbreaking look at the other story; that will certainly contribute to safer and more productive workplaces.'Dr Alejandro Morales, Mutual Seguridad, Chile'Safety needs a new maturity. We can no longer improve by simply doing what we have been doing, even by doing it better. Dr Hollnagel brings forth new distinctions, interpretations, and narratives that will allow safety to progress to new unforeseen levels. Safety II is more than just incident and accident prevention. A must read for every safety professional.' Tom McDaniel, Global Manager Zero Harm and Human Performance, Siemens Energy, Inc., USA 'If you want to belong to the future of safety management, Erik Hollnagel argues, you pretty much know where to stand. It is called Safety II.' --Journal of Contingencies and Crisis Management, July 2014.

'Although someone may judge from the book title that the author refers to a new methodology for managing safety, Hollnagel's work is definitely more than this. The specific book recommends a new way of thinking and approaching safety itself, prior to attempting to manage it. The real life examples and the smooth introduction of the reader to safety related concepts, which are based on broad and solid theoretical and empirical bases, are just few of the strong points in Hollnagel's book.' --Newsletter of the Europe Chapter of the Human Factors and Ergonomics Society, no. 2, 2014.

**About the Author**

Erik Hollnagel (Ph.D., psychology) is Professor at the Department of Regional Health Research, University of Southern Denmark and Chief Consultant at the Centre for Quality, Region of Southern Denmark. He is also Professor Emeritus at University of LinkÃ¶ping (Sweden), and Visiting Fellow of the Institute for Advanced Study of the Technische UniversitÃ¤t MÃ¼nchen (Germany). He has since 1971 worked at universities, research centres, and industries in several countries and with problems from many domains, including nuclear power generation, aerospace and aviation, air traffic management, software engineering, healthcare, and land-based traffic. His professional interests include industrial safety, human factors, resilience engineering, systems theory, and functional modelling. He has published more than 350 papers and authored or edited 20 books, some of the most recent titles being Resilient Health Care (Ashgate, 2013), The Functional Resonance Analysis Method (Ashgate, 2012), and Resilience Engineering in Practice (Ashgate, 2011). Erik Hollnagel is also Editor-in-chief of Ashgate Studies in Resilience Engineering.

**Product details**

**File Size:** 6753 KB
**Print Length:** 201 pages
**Page Numbers Source ISBN:** 1472423054
**Publisher:** Ashgate; 1 edition (May 28, 2014)
**Publication Date:** May 28, 2014
**Sold by:** Amazon Digital Services LLC
**Language:** English
**ASIN:** B00KCJYTNI

***Book for reference only : More details of this book, please refer NIOSH Library and to browse list of collection please visit; http://www.niosh.com.my*

# Newspaper Cutting

**Headline** : **Empat pekerja cedera, pelantar bangunan runtuh**
**Publication** : Kosmo
**Date** : 27 Jun 2019
**Page** : 13

## Empat pekerja cedera, pelantar bangunan runtuh

Kosmo 13 27/6/19



INILAH bangunan pangsapuri 34 tingkat yang sedang dalam pembinaan semasa pelantar yang digunakan runtuh sehingga menyebabkan empat pekerja cedera di Wangsa Maju, Kuala Lumpur kelmarin.

**KUALA LUMPUR** – Seramai empat buruh warga Bangladesh cedera selepas pelantar bangunan yang dalam proses pembinaan runtuh di sebuah tapak pembinaan bangunan pangsapuri di Wangsa Maju di sini kelmarin.

Pegawai Operasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Kuala Lumpur, Kapten Shahrul Kamar Mohd. Johari berkata, kejadian pada pukul 8 malam itu berlaku ketika kesemua mangsa sedang bekerja di atas pelantar setinggi 13 meter tersebut.

"Semasa kejadian, empat mangsa itu sedang menaikkan batu. Dua mangsa berada di atas pelantar manakala dua lagi berada di tingkat bawah.

"Pelantar bangunan itu dipercayai runtuh kerana tidak mampu menampung beban berlebihan," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, pasukan penyelamat yang tiba di lokasi 10 minit selepas menerima panggilan mendapati empat mangsa berusia 23 hingga ke 31 tahun itu cedera parah sebelum dikejarkan ke Hospital Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan.

Tinjauan *Kosmo!* di lokasi kejadian semalam mendapati kerja-kerja pembinaan dihentikan sementara.

Seorang pekerja yang enggan dikenali memberitahu, ketika kejadian, keempat-empat mangsa sedang memindahkan batu ke tingkat atas dengan menggunakan pelantar.

"Kejadian itu berlaku pantas menyebabkan ada antara mereka yang patah beberapa anggota badan," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintendan Rajab Ahad Ismail memberitahu, setakat semalam pihaknya masih belum menerima laporan berhubung insiden tersebut.

**Headline** : **Mati berdiri pegang besi cerucuk**
**Publication** : Kosmo
**Date** : 27 Jun 2019
**Page** : 08

Empat pekerja binaan warga Myanmar maut terperangkap akibat tanah runtuh

# Mati berdiri pegang besi cerucuk

Kosmo 8 27/6/19

Oleh SYALMIZI HAMID

GEORGE TOWN – Empat pekerja warga Myanmar maut dengan tiga daripadanya ditemui dalam keadaan berdiri selepas ditimbus tanah runtuh ketika sedang memasang cerucuk kaki lereng cerun di kawasan sebuah resort di Tanjung Bungah, Jalan Batu Feringghi di sini kelmarin.

Kejadian pada pukul 9.25 malam itu mengakibatkan Maung Htwe, 38; Nai Cho Inn, 49, dan seorang lagi yang dikenali sebagai Ong maut akibat terperangkap. Seorang lagi mangsa masih belum dikenal pasti identitinya.

Difahamkan, kejadian tersebut disedari oleh seorang tukang kebun lelaki warga tempatan yang sedang menyiram pokok di sekitar resort apabila terdengar bunyi dentuman kuat sebelum memaklumkan kepada pemilik premis sebaik mendapati tembok itu runtuh.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Che Zaimani Che Awang berkata, pasukan mencari dan menyelamat (SAR) mengambil masa kira-kira enam jam bagi mengeluarkan kesemua mayat mangsa yang tertimbus.



PASUKAN penyiasat menjalankan siasatan di lokasi tanah runtuh yang mengorbankan empat nyawa di sebuah resort di Tanjung Bungah, Jalan Batu Feringghi kelmarin.

Menurutnya, mayat pertama dikeluarkan kira-kira pukul 2 pagi dan mayat terakhir dibawa keluar hampir tiga jam kemudian sebelum operasi berkenaan ditamatkan kira-kira pukul 4.45 pagi.

"Tiga daripada mayat ditemui dalam keadaan berdiri dan masih memegang besi cerucuk, manakala seorang lagi dalam keadaan terbaring.

"Proses SAR agak perlahan kerana terdapat banyak besi cerucuk (berhampiran mangsa) dan sebahagian daripada mangsa dilihat cedera kerana (terkena) besi-besi ini," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Sementara itu, Che Zaimani berkata, kesemua mangsa menerima upah sebanyak RM400 sehari bagi melakukan kerja pembinaan itu yang dijangka siap dalam tempoh 20 hari.

Katanya, siasatan mendapati pemilik resort iaitu lelaki berusia 60 tahun telah mengesan pergerakan tanah sejak minggu lalu sebelum membuat keputusan membina tembok tersebut.

"Ong merupakan pekerja penyelenggaraan di resort itu sejak tiga tahun lalu, manakala tiga lagi adalah rakannya yang tidak dikenali oleh pemilik resort.

"Kerja pembinaan itu juga telah bermula sejak kira-kira seminggu lalu," katanya.

Tambahnya, kesemua mayat itu dibawa ke Hospital Pulau Pinang di sini untuk bedah siasat.

Operasi SAR melibatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang; Pasukan Khas Operasi, Taktikal dan Penyelamat Malaysia JBPM Kedah serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.




Newspaper Cutting

**Headline** : **DOSH, NIOSH to be separated**
**Publication** : The Star
**Date** : 28 Jun 2019
**Page** : 13

# DOSH, NIOSH to be separated

## Their roles are similar now, says Kula

**BANGI:** The Human Resources Ministry is planning to separate the roles of the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) and Department of Occupational Safety and Health (DOSH) through a proposed new Bill.

The move is needed because DOSH plays an important role in ensuring that employers comply with safety, health and welfare at workplaces, said minister M. Kulasegaran.

"Now, the roles played by NIOSH are similar to DOSH's. Since DOSH needs to be more active in enforcement, then perhaps the time has come for their (DOSH and NIOSH) roles to be separated.

"NIOSH plays a role in (skills) training under the ministry," he told reporters after a Hari Raya Aidilfitri celebration at NIOSH headquarters in Bandar Baru Bangi yesterday.

Also present were NIOSH chairman Tan Sri Lee Lam Thye, deputy chairman Gunasegaran Kandaswamy and executive director Ayop Salleh.

Kulasegaran said the proposal to separate the two entities had yet to receive the green light from the Cabinet.

"But we have analysed this proposal and think this is a good direction. Therefore the relevant papers are being drafted so it could get approval from the Cabinet soon," he said.

Kulasegaran said the proposal might be presented to the Cabinet in one or two months, adding that it would also be forwarded to the National Labour Advisory Council.

Earlier, in his speech, Kulasegaran said the ministry played an important role through NIOSH to ensure that the national workforce was able to obtain the necessary skills training.

At present, skilled workers only make up 28% of the workforce, he noted.

"The government is targeting at least 35% of the national workforce to be skilled by the end of next year.

"If workers are given the right training, just like what NIOSH is doing, then they should be getting high salaries, which will also assist the government in its efforts to increase national wages," he said.

*Newspaper Cutting*

**Headline** : **Akta baharu mantapkan NIOSH, DOSH**
**Publication** : Berita Harian
**Date** : 28 Jun 2019
**Page** : 9

# Akta baharu mantapkan NIOSH, DOSH

Pengasingan bolehkan peranan dimainkan lebih baik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Bangi

Kementerian Sumber Manusia bercadang mewujudkan akta baharu bagi mengasingkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Menterinya, M Kulasegaran, berkata pengasingan itu perlu dibuat supaya NIOSH dapat menumpukan peranan dalam pelaksanaan program latihan manakala DOSH bertanggungjawab dalam penguatkuasaan.

"Sudah tiba masanya peranan NIOSH diasingkan daripada DOSH dan menjadi badan bebas, sekali gus dapat memainkan peranannya dengan lebih mustahak.

**Buat analisis**

"Kementerian sudah melakukan analisis dan berpendapat satu akta baharu perlu diwujudkan berkaitan NIOSH. Sebaik sahaja kajian siap, saya akan bawa perkara ini kepada Kabinet," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri NIOSH 2019, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye dan Pengarah Eksekutif NIOSH, Ayop Salleh.

Kulasegaran berkata, pihaknya menjangka dapat menyiapkan kajian itu dalam tempoh dua bulan untuk dibentangkan kepada Kabinet.

"DOSH bertanggungjawab dalam menjalankan penguatkuasaan manakala NIOSH memainkan peranan penting dalam melaksanakan program latihan," katanya.

(FOTO ROSELA ISMAIL /BH)



**Kulasegaran dan Lam Thye beramah mesra bersama tetamu** yang hadir ke Rumah Terbuka Aidilfitri NIOSH 2019.

Newspaper Cutting


www.facebook.com/nioshmalaysia www.twitter.com/nioshmalaysia

Newspaper Cutting

**Headline** : **Mual, pening terhidu raksa**
**Publication** : Harian Metro
**Date** : 27 Jun 2019
**Page** : 29

HARIAN METRO



# Mual, pening terhidu raksa

*Enam murid dikejar ke klinik selepas terhidu bahan kimia tumpah*



"Kuarantin segera dilakukan sebelum proses menyahcemar bagi memastikan semua mangsa bebas daripada pencemaran raksa"

| | | |
|---|---|---|
| **Headline** | : | **More needs to be done to ensure Pasir Gudang Folks' safety'** |
| **Publication** | : | New Straits Times |
| **Date** | : | 27 June 2019 |
| **Page** | : | 10 |

# 'More needs to be done to ensure Pasir Gudang folks' safety'

NST 10 27/6/19

**KUALA LUMPUR:** People want more measures from the Department of Environment (DoE) and government agencies to ensure their safety following the second case of toxic pollution in Pasir Gudang, Johor.

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) chairman Tan Sri Lee Lam Thye said this was important to prevent incidents that affected people's health.

"What we need is proactive and not reactive actions to prevent a recurrence of the incident, which many have dubbed as the 'Second Sungai Kim Kim pollution' case.

"The authorities must take action against those responsible for polluting the environment and threatening public health," he said yesterday.

He urged the authorities to collaborate and leave no stone unturned to determine the source of the pollution that forced the closure of schools in Pasir Gudang.

"They must ensure that the Pasir Gudang community, including its schools and residential areas, is safe. They must ensure that industries in the vicinity will not remain a threat to the environment."

Lee said NIOSH was ready to provide assistance like it did in the Sungai Kim Kim incident in March.

"The National Institute of Occupational Safety and Health's office in Johor Baru is willing to provide assistance with the help of our headquarters in Bandar Baru Bangi, which has the facilities and expertise to monitor chemical pollution."

The latest incident forced the Education Ministry to close 475 institutions of learning in Pasir Gudang until today to enable the authorities to address the source of the pollution.

Newspaper Cutting

**Headline** : **4 mayat warga asing tertimbus dikeluarkan**
**Publication** : Utusan Malaysia
**Date** : 27 June 2019
**Page** : 13



PASUKAN Bomba dan Penyelamat mengeluarkan mangsa yang tertimbus dalam kejadian tembok penahan tanah runtuh di Jalan Batu Ferringhi, Tanjung Bungah, awal pagi semalam. – BERNAMA

# 4 mayat warga asing tertimbus dikeluarkan

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL dan SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 26 JUN

KESEMUA empat mayat warga Myanmar yang tertimbus tanah runtuh ketika sedang membina tembok penahan tanah di Lost Paradise Resort, Jalan Batu Ferringhi, Tanjung Bungah di sini berjaya dibawa keluarkan awal pagi ini.

Sehubungan itu, operasi mencari dan menyelamat mangsa (SAR) kejadian yang berlaku 9.25 malam tadi dihentikan selepas mayat terakhir berjaya dikeluarkan kira-kira pukul 4.27 pagi.

Menurut Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Che Zaimani Che Awang, keempat-empat mangsa berjaya dikeluarkan selepas hampir enam jam tertimbus di dalam longkang yang dipenuhi besi cerucuk.

Katanya, mayat pertama dikeluarkan pukul 1.59 pagi disusuli masing-masing mayat kedua dan ketiga pukul 2.33 pagi serta 3.10 pagi dan kesemua mayat dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Pulau Pinang (HPP) untuk bedah siasat.

"Setakat ini, identiti kesemua mangsa belum dapat dikenal pasti kerana tiada sebarang dokumen pengenalan diri ditemukan pada mereka.

"Kita akan mendapatkan maklumat lanjut daripada pihak kedutaan berhubung identiti mangsa," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Che Zaimani, tiga mayat ditemukan dalam keadaan berdiri dan masih memegang besi cerucuk manakala seorang lagi ditemukan terbaring berdekatan tiga mangsa berkenaan.

Katanya, pasukan SAR terpaksa mengambil masa untuk mengeluarkan mangsa berikutan ada mangsa yang masih tercucuk besi yang digunakan untuk membuat tembok penahan tanah tersebut.

Operasi SAR itu melibatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia ( JBPM) Pulau Pinang, Pasukan Khas Operasi, Taktikal dan Penyelamat Malaysia (STORM) JBPM Kedah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Newspaper Cutting

**Headline** : **Jangan tunggu 'sudah terhantuk baru tengadah'**
**Publication** : Utusan Malaysia
**Date** : 27 Jun 2019
**Page** : 2

# Jangan tunggu 'sudah terhantuk baru tengadah'

**KUALA LUMPUR 26 Jun** – Semua agensi kerajaan perlu mengelakkan sikap 'sudah terhantuk baru tengadah' bagi memastikan insiden pencemaran udara di Pasir Gudang berlaku sekali lagi pada masa akan datang.



LEE LAM THYE

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, agensi kerajaan sepatutnya bekerjasama mencari dan menyiasat punca pencemaran toksik yang berlaku di kawasan itu sejak Khamis lalu.

"Insiden di Pasir Gudang bukanlah yang pertama kali berlaku memandangkan sebelum ini negara telah dikejutkan dengan bencana toksik di kawasan sama. Punca pencemaran itu perlu dikenal pasti dengan segara,

"Langkah ini amat penting bagi memastikan keselamatan penduduk di kawasan tersebut terjamin. Komuniti di Pasir Gudang khususnya di kawasan sekolah dan perumahan terdedah kepada risiko pencemaran udara yang membahayakan nyawa," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Lam Thye turut menggesa pihak berkuasa untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab mencemarkan alam sekitar serta mengancam nyawa penduduk di Pasir Gudang.

Katanya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta agensi kerajaan lain perlu mengambil langkah proaktif dalam menangani kes pencemaran udara yang menghantui penduduk di situ.

Kes pencemaran udara di Pasir Gudang memaksa Kementerian Pendidikan menutup 475 institusi pendidikan di kawasan tersebut bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya terhadap insiden berkenaan.

UM 2 27/6/19

Newspaper Cutting

**Headline** : **Double tax deducations for NIOSH courses**
**Publication** : New Sunday Times
**Date** : 23 June 2019
**Page** : 16

FROM 2019 TO 2023

# DOUBLE TAX DEDUCTIONS FOR NIOSH COURSES

Initiative will encourage bosses to provide training to employees, ease financial burden

KUALA LUMPUR

COMPANIES enrolling their employees for courses at the National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) are entitled to double tax deductions for the 2019 to 2023 assessment years.

NIOSH chairman Tan Sri Lee Lam Thye said its registration as



*Tan Sri Lee Lam Thye*

an eligible training institute under the Double Tax Deductions Scheme was approved by the Finance Ministry on May 31.

"In line with the Income Tax (Deductions for Approved Training) Rules 1992, companies which send employees to join NIOSH training courses will enjoy double tax deductions for expenses, including training fees, transportation and accommodation cost and other related claims.

"This initiative will encourage employers to provide training to their employees and ease the financial burden of those who are on a tight budget," he said yesterday.

Lee said the courses approved for double tax deductions were Safety and Health Officer, Site Security Supervisor, Industrial Hygiene Technician 1, Industrial Hygiene Technician 2 and Train the Trainer.

Contact NIOSH headquarters at 03-87692100 for more details.
**Bernama**

*Newspaper Cutting*

**Headline** : **Syor isu kesihatan mental dalam AKKP 1994**
**Publication** : Berita Harian
**Date** : 20 Jun 2019
**Page** : 68

# Syor isu kesihatan mental dalam AKKP 1994

**Petaling Jaya:** Kerajaan disaran memasukkan peruntukan berkaitan kesihatan mental pekerja mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata buat masa ini, tiada undang-undang atau peraturan berkaitan pekerja dan kesihatan mental di bawah akta berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, peruntukan berkenaan perlu diwujudkan dalam AKKP 1994 bagi menyediakan sokongan kesejahteraan mental di tempat kerja.

"Aspek pembangunan kesihatan mental perlu turut diliputi di bawah AKKP 1994, jadi jawatankuasa berkaitan di tempat kerja boleh membincangkan masalah kesihatan mental pekerja atau pihak yang terbabit tanpa merujuk kepada Jabatan Kesihatan.

"Buat masa ini, ia tidak dimasukkan di bawah akta kerana ia dirujuk di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Menangani Isu Kesihatan Mental di Tempat Kerja' pada Persidangan Pengalaman Kesihatan Mental 2019 di sini, semalam.

## Tekanan, kemurungan

Lam Thye berkata, kemalangan di tempat kerja bukan hanya disebabkan tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) pekerjaan, tetapi juga masalah mental seperti tekanan dan kemurungan yang tidak dapat ditangani dengan baik.

"Jika akta ini dipinda dengan turut meliputi aspek kesihatan mental, ia boleh dianggap sebagai isu di tempat kerja serta termasuk dalam isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan," katanya.

Lam Thye berkata, beliau akan membawa cadangan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah NIOSH sebelum mengemukakannya secara rasmi kepada kerajaan.

Sementara itu, dalam ucapannya, beliau berkata, kajian dijalankan Kementerian Pendidikan pada 2017 menunjukkan 4.4 peratus daripada 2,123 guru mengalami tahap tekanan sederhana, manakala penjawat awam mencapai skor purata di bawah Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia dalam kajian yang dijalankan Ogos tahun lalu.

"Justeru, kesihatan mental di tempat kerja tidak boleh lagi dipandang mudah kerana ia akan membawa kerugian jika tidak ditangani dengan baik," katanya.



"Peruntukan itu perlu diwujudkan dalam AKKP 1994 bagi menyediakan sokongan kesejahteraan mental di tempat kerja"

*Lee Lam Thye,*
*Pengerusi NIOSH*

**Headline** : **Sertai latihan NIOSH, nikmati dua kali potongan cukai**
**Publication** : Utusan Malaysia
**Date** : 23 Jun 2019
**Page** : 68

# Sertai latihan NIOSH, nikmati dua kali potongan cukai

**KUALA LUMPUR 22 Jun** - Setiap syarikat yang menghantar pekerja untuk menyertai beberapa jenis latihan disediakan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) layak menerima dua kali potongan cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2019 hingga 2023.

Menurut Pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye, perkara itu terlaksana selepas permohonan agensi berkenaan menjadi di institut yang berada di bawah Skim Galakan Potongan Cukai Dua Kali mendapat kelulusan Kementerian Kewangan pada 31 Mei lalu.



LEE LAM THYE

Oleh yang demikian, jelas Lam Thye, syarikat yang menghantar pekerja mereka untuk mengikuti latihan di NIOSH boleh mendapatkan faedah tersebut untuk perbelanjaan latihan termasuk kos yuran, pengangkutan, penginapan dan tuntutan perbelanjaan lain yang berkaitan selaras dengan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Untuk Latihan Yang Diluluskan) 1992.

"NIOSH amat berterima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia di atas inisiatif yang amat tepat pada masanya ini dan ia menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja serta majikan.

"Inisiatif ini akan dapat menggalakkan majikan memberi latihan kepada pekerja mereka di samping dapat mengurangkan beban majikan yang kurang berkemampuan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Lam Thye, kursus-kursus yang diluluskan untuk menikmati faedah tersebut adalah latihan bagi Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS), Juruteknik Higen Industri 1, Juruteknik Higen Industri 2 dan latihan untuk jurulatih.

"Majikan dan pekerja yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi ibu pejabat NIOSH di talian 03-8769 2100," katanya.

Newspaper Cutting

**Headline** : **Tingkat kesihatan, keselamatan warga PDRM**
**Publication** : Berita Harian
**Date** : 19 Jun 2019
**Page** : 77

# Tingkat kesihatan, keselamatan warga PDRM

Terlebih dulu saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lans Koperal Mohd Ishraf Ismail yang maut akibat dirempuh motosikal dalam kemalangan di Jalan Persisiran Perling, Johor Bahru, 1 Jun lalu.

Anggota unit kereta peronda polis terbabit dan rakan sepasukannya, Lans Koperal Muhammad Syakir Safwan Khairudin dirempuh motosikal ketika sedang memeriksa sebuah van pada jam 6.40 pagi.

Mohd Ishraf, 27, yang juga pemandu kereta peronda meninggal dunia di lokasi akibat kecederaan parah di kepala manakala Muhammad Syakir, 29, serta penunggang motosikal berusia 36 tahun yang merempuh mereka cedera parah.

Insiden menunjukkan betapa warga PDRM sentiasa berhadapan pelbagai risiko dan bahaya terutamanya mereka yang bertugas di lapangan, termasuk anggota trafik.

Saya percaya insiden terbaru ini tidak akan mematahkan semangat warga PDRM untuk meneruskan usaha menjaga keselamatan orang awam dan keamanan negara.

Semua pihak seharusnya menghargai dan menghormati pengorbanan anggota PDRM yang bertugas tidak kira masa serta sanggup menggadai nyawa ketika bertugas.

Pengguna jalan raya juga perlu sentiasa berhati-hati serta patuh pada undang-undang dan arahan anggota penguat kuasa seperti PDRM setiap masa bagi mengelak berlaku kemalangan, terutama ketika musim hujan atau dalam keadaan gelap.

## NIOSH sedia bantu PDRM

Bagi mengelakkan tragedi sama berulang, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) bersedia untuk membantu pihak PDRM meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) warga PDRM termasuk ketika melakukan tugas di jalan raya dan lebuh raya.

Aspek KKP ketika di jalan raya amat penting kerana risiko untuk berlaku kemalangan, termasuk yang boleh meragut nyawa amat besar walaupun disebabkan kesilapan kecil.

Sebagai contoh, kegagalan memasang kon keselamatan pada jarak selamat boleh menyebabkan kenderaan serta anggota penguat kuasa yang bertugas terdedah kepada risiko dilanggar oleh kenderaan lain.



**Anggota polis** *sentiasa berhadapan pelbagai risiko dan bahaya ketika menjalankan tugas.* BH 77 19/6/19

NIOSH membangunkan modul latihan induksi KKP yang dikenali sebagai Pasport Keselamatan Operasi Lebuh Raya untuk warga kerja serta kontraktor PLUS Malaysia Berhad.

Ia mungkin boleh digunakan untuk membangunkan modul sama bagi anggota penguat kuasa yang bertugas di jalan raya dan lebuh raya termasuk anggota polis trafik.

NIOSH sedia memberi komitmen dan menyumbang kepakaran membantu PDRM dan agensi penguatkuasaan yang lain melatih pekerja supaya lebih peka pada bahaya dan risiko ketika bertugas.

Buat masa ini, NIOSH turut menjalin kerjasama mewujudkan pasport keselamatan dengan syarikat dalam industri lain seperti minyak dan gas, elektrik, telekomunikasi, air, makanan dan sebagainya.

**Tan Sri Lee Lam Thye,**
Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

Newspaper Cutting

**Headline** : **Lindungi pekerja: Rebat cukai majikan**
**Publication** : Utusan Malaysia
**Date** : 19 Jun 2019
**Page** : 12



## Lindungi pekerja: Rebat cukai majikan

**KUALA LUMPUR 18 Jun** - Kerajaan perlu memperkenalkan rebat cukai dan insentif kepada majikan untuk mengimport serta mengeluarkan peralatan perlindungan diri (PPE) yang berkualiti dan pintar untuk para pekerja.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye **(gambar)** berkata, fokus harus diberikan kepada aspek keselamatan di tempat kerja serta penggunaan PPE pintar dan berkualiti tinggi berikutan negara ini sedang mengalami pembangunan pesat.

"Saya sekali lagi mencadangkan kepada kerajaan untuk mempertimbangkan pemberian rebat cukai bagi PPE yang diimport untuk menjadikannya lebih murah dan menggalakkan majikan mendapatkan PPE yang berkualiti untuk pekerja mereka.

"Sebarang rebat cukai bagi PPE akan menjadi insentif yang membantu menggalakkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja," katanya sewaktu menghadiri majlis pelancaran produk keselamatan 3M Malaysia sempena Pameran Kejuruteraan Petroleum dan Gas Asia ke-17 (OGA 2019) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Besar 3M Malaysia, G.T. Lim.

Lam Thye berkata, kerajaan juga perlu memberi insentif kepada pengimport dan pengilang tempatan yang memperkenalkan PPE berkualiti tinggi dan pintar termasuk yang mengguna pakai teknologi terkini seperti sensor bertepatan tinggi, sistem penentu kedudukan global (GPS) dan teknologi identifikasi frekuensi radio (RFID).

**Headline** : **3M perkenal rangkaian produk Scott safety sempena OGA 2019**
**Publication** : Kosmo
**Date** : 12 Jun 2019
**Page** : 03

# 3M perkenal rangkaian produk Scott Safety sempena OGA 2019

Kosmo 46 21/6/19

Olah FATTAH MOHD. SAPIAI

**KUALA LUMPUR** – 3M Malaysia (3M), syarikat sains global, memperkenalkan rangkaian peralatan keselamatan terbaharu, Scott Safety pada Pameran Kejuruteraan Minyak, Gas dan Petrokimia Asia ke-17 (OGA 2019).

Pengurus Besar 3M, GT Lim berkata, rangkaian produk Scott Safety menawarkan solusi keselamatan untuk menangani bahaya unik yang biasanya wujud di tapak pembinaan termasuklah ruang yang terkurung, lubang jalan, terowong, parit dan kerja mengimpal.

"Lazimnya, majikan menggunakan peralatan keselamatan yang mematuhi piawaian tertentu tetapi mereka gagal untuk mengetahui sama ada peralatan itu adalah pilihan yang tepat untuk pekerjaan mereka.

"Kami ingin menangani masalah ini di samping membantu majikan memahami keperluan sebenar untuk menjamin tahap keselamatan pekerja mereka," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Menurut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, kemalangan di tempat kerja bagi setiap 1,000 pekerja di Malaysia telah meningkat daripada 2.88 peratus pada tahun 2016 kepada 2.93 peratus pada tahun 2017.

Dipamerkan di OGA 2019, rangkaian solusi Scott Safety menampilkan pelbagai peralatan pernafasan, perlindungan peribadi serta alat keselamatan pekerja.

Pada acara sama turut diadakan pelancaran alat perlindungan pendengaran 3M PELTOR Full Brim Hard Hat Attached Earmuff' yang berfungsi untuk mengurangkan pendedahan terhadap bunyi hingar perindustrian dan bunyi-bunyi lain.




GT LIM (kiri) memperkenalkan rangkaian produk keselamatan 3M sempena pameran OGA 2019 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Newspaper Cutting



www.facebook.com/nioshmalaysia www.twitter.com/nioshmalaysia


THANK YOU
MERCI
OBRIGADO
WELALIN
GRAZIE
CHOKRANE
RAIBH MAITH AGAT
MULTUMESC
NIRRINGRAZZJAK
MOCHCHAKKERAM
SPASIBO
ASANTE
СПАСИБО
VINAKA
ZIKOMO
KHUBLEI
QUYANAQ
THANK YOU VERY MUCH
SAAGHA XALDA HWA
MATONDO
SUWUN
EIO
MAAKE
どうも
БАЯРЛАЛАА
МНОГО ВИ БЛАГОДАРЯ